


Sari Pustaka

ULASAN BUKU



NORSARWANY MOHAMAD, NORKHAFIZAH SADDKI
DAN NOORLIZA MASTURA ISMAIL

100 persoalan mengenai kesihatan anak anda
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013.

123ms.

ISBN 978-983-46-1290-0

ULASAN

100 Persoalan Mengenai Kesihatan Anak Anda adalah sebuah buku yang sangat bermanfaat yang dihasilkan oleh tiga orang penulis yang mempunyai pengetahuan, pengalaman dan kepakaran yang mendalam dalam bidang perubatan. Selain itu, kerjasama telah diperolehi daripada beberapa orang doktor dari dalam dan luar negara bagi mengulas dan melontarkan idea yang bernas serta komen membina ke arah menambah baik lagi penulisan ini.

Buku ini telah diolah dengan cara yang ringkas bagi memastikan penyebarluasan maklumat ini dapat difahami sepenuhnya dan dilaksanakan dalam kehidupan. Umum sedia tahu anak ialah anugerah daripada Allah SWT yang sangat berharga buat pasangan suami isteri. Bukan sahaja sebagai penyambung zuriat, kehadiran anak dapat menguatkan rasa cinta dan kasih sayang antara suami isteri.

Buku setebal 123 halaman ini dimulakan dengan mengupas berkaitan dengan kelahiran pramatang. Bayi pramatang ialah bayi yang dilahirkan sebelum 37 minggu tempoh kandungan. Sesetengah kelahiran bayi pramatang dapat dielakkan dengan melaksanakan beberapa langkah pencegahan seperti mendapatkan penjagaan awal antenatal secara berkala bagi mengesan masalah di peringkat awal kehamilan.

Penulis turut menyentuh kepentingan imunisasi kepada kanak-kanak. Tujuan suntikan tersebut diberi adalah untuk mencegah penyakit berjangkit seperti tibi, polio, hepatitis, campak, batuk kokol, kancing gigi, beguk dan rubela. Suntikan imunisasi tidak akan mendatangkan kesan sampingan atau masalah yang serius. Bayi kemungkinan akan mengalami demam biasa atau bengkak pada tempat suntikan.

Sejak kecil, anak akan ditatang bagai minyak yang penuh oleh setiap ibu bapa yang mahukan anak-anak mereka membesar menjadi insan yang sihat, baik dan sempurna. Namun, dalam menjalani fasa kehidupan sebagai ibu bapa bukanlah sesuatu yang mudah. Bagi mencapai matlamat ini, ibu bapa perlulah melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan agar lebih peka dan bijak dalam membuat keputusan, khususnya untuk memastikan apa yang terbaik kepada anak-anak mereka terutamanya isu kesihatan.

Badan yang sihat dapat menjana kecerdasan fizikal, kecerdasan minda dan kecemerlangan emosi. Oleh itu, penulisan buku ini bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kesedaran ibu bapa tentang penjagaan kesihatan kanak-kanak bermula dari kelahiran bayi sehingga perkembangan tumbesaran kanak-kanak dari tahun ke tahun.

Topik yang dibincangkan di dalam buku ini diolah dalam bentuk persoalan yang sering menjadi tanda tanya kepada ibu bapa, khususnya berkaitan masalah perkembangan dan penjagaan kesihatan kanak-kanak. Jawapan yang diberikan meliputi penerangan, cadangan penyelesaian masalah, pencegahan, dan kaedah rawatan yang boleh diberikan untuk merawat masalah yang dihadapi. Jawapan diuraikan dengan ringkas tetapi padat agar mudah difahami. Pendekatan yang sebegini dilihat sesuai bagi ibu bapa yang inginkan jawapan yang cepat dan penerangan yang ringkas terhadap segala permasalahan yang mungkin timbul sepanjang membesar anak-anak.

Buku ini mengandungi 100 soalan dan jawapan tentang pelbagai persoalan kesihatan kanak-kanak berkisar masalah lazim seperti pertumbuhan gigi dan masalah ruam sehingga soalan terhadap masalah perubatan kritikal seperti penyakit jantung dan kanser. Buku ini sangat bermanfaat terutama kepada ibu bapa dan para pembaca bagi melahirkan dan membesarkan anak-anak yang sihat kerana kesihatan yang baik ialah kunci kejayaan dan kebahagiaan individu, keluarga dan masyarakat.


Pengulas:

Nor Afizah Mafrodi

Penolong Pengarah
Bahagian Maklumat Umum
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



EDDY RAZMAN SAIJAN

Berani berniaga : meraih 9/10 rezeki dari perniagaan

Batang Kali, Selangor : Idea Asli Enterprise, 2013.

161ms.

ISBN 978-967-10438-2-0

ULASAN

Berani Berniaga adalah hasil nukilan saudara Eddy Razman yang melontarkan pelbagai persoalan tentang kejayaan dan cabaran yang perlu ditempuh untuk menjadi seorang usahawan. Seseorang yang ingin menjadi usahawan atau menceburkan diri dalam bidang perniagaan perlu melengkapkan diri dengan ilmu perniagaan melalui seminar atau bengkel. Kini teknologi berkembang pesat dan pelbagai maklumat tentang perniagaan dapat diperolehi dengan menggunakan internet.

Penulis telah mengupas peranan perniagaan di sisi agama Islam yang merupakan pekerjaan yang dipandang mulia. Ciri-ciri perniagaan Islam yang berjaya turut disenaraikan agar pembaca mudah memahami konsep yang ingin diketengahkan dan disarankan oleh agama Islam. Peniaga perlu mempunyai nilai-nilai yang mulia agar mendapat rahmat Allah S.W.T.

Penulis turut mengupas tentang sikap yang perlu ada dalam diri setiap peniaga. Ini kerana cabaran yang perlu ditempuhi oleh setiap perniagaan amat besar. Penulis juga menyenaraikan ciri-ciri peniaga yang bakal berjaya. Penulis turut menghuraikan kejayaan peniaga Cina bagi memberikan gambaran yang lebih jelas kepada pembaca. Ini kerana bangsa Cina merupakan peniaga yang berjaya berbanding bangsa lain di dunia.

Penulis cuba memberikan satu persepsi kepada peniaga agar sentiasa berfikiran positif sekiranya ingin menceburi bidang perniagaan. Penulis turut menyarankan agar peniaga berfikiran terbuka dan perlu mempersiapkan diri dalam bidang perniagaan sebelum menceburi bidang perniagaan.

Penulis turut memberi panduan pemilihan bidang perniagaan yang ingin diceburi oleh setiap peniaga. Ia penting kerana sebagai langkah awal yang mendorong kepada kejayaan sesebuah perniagaan. Peniaga perlu mempunyai pengetahuan dalam bidang perniagaan yang ingin diusahakan. Ini bagi mengelak peniaga daripada ditipu atau mengalami kegagalan pada masa akan datang.

Kepentingan berfikir tentang peluang perniagaan adalah perkara pokok yang perlu dititikberatkan oleh setiap peniaga. Ini kerana peniaga perlu bijak untuk menentukan keperluan perniagaan berdasarkan keperluan pengguna. Penulis cuba mengupas kepentingan cara berfikir golongan peniaga agar selari dengan kehendak dan keperluan pengguna. Hal ini penting agar peniaga dapat memenuhi kehendak pengguna.

Penulis telah mengupas pelbagai aspek pemasaran iaitu pesaing dalam perniagaan, pelanggan adalah raja dan strategi yang perlu digunakan oleh setiap peniaga. Ini bagi memastikan perniagaan tersebut berjaya menarik minat pembeli serta dapat terus kekal dalam pasaran.

Peniaga juga perlu menjaga kebajikan pekerjanya, ini kerana pekerja merupakan tulang belakang kepada sesebuah perniagaan. Peniaga juga disarankan agar tidak kedekut dalam menjaga kebajikan pekerja-pekerjanya. Pekerja yang rasa dihargai oleh majikannya akan dapat menjamin perniagaan yang diusahakan dapat berjalan dengan

lancar dan berjaya. Ini kerana wujudnya kesepakatan serta semangat kerja berpasukan di kalangan pekerja dengan majikannya.

Penulis cuba untuk menekankan agar peniaga berani menggunakan kemudahan teknologi dalam mempelbagaikan usaha dan cara untuk membuat promosi bagi memasarkan barang mereka. Peniaga perlu menggunakan setiap ruang dan peluang yang ada agar perniagaannya dapat diperluaskan dan dikembangkan dengan lebih mudah dan cepat.


Buku ini menggunakan gaya bahasa yang ringkas dan mudah agar pembaca tidak bosan dan dapat memahami perkara yang ingin disampaikan oleh penulis dengan berkesan. Penulis juga menggunakan bab-bab bagi membezakan dan membincangkan sesuatu isu. Ini bagi memberi penekanan kepada sesuatu perkara atau isu dan membolehkan pembaca membuat bacaan secara cepat. Pelbagai manfaat yang tidak ternilai boleh didapati dengan membaca buku ini.

Pengulas:

Mohamad Sharizal Omar

Penolong Pengarah
Bahagian Maklumat Umum
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



ASMANI, JAMAL MA'MUR
Home schooling : satu penemuan pendidikan berkesan. Ed. bahasa Melayu
Batu Caves, Selangor : Ar-Risalah Product, 2013.
275ms.
ISBN 978-967-0268-62-0

ULASAN

Home Schooling, *Home Education* atau *Home Based Learning* adalah maksud yang digunakan sebagai model alternatif pembelajaran selain dari belajar di sekolah. Sejarah perkembangan *home schooling* di Indonesia belum ada kajian khusus mengenai sumber kewujudannya. Tercatat di dalam sejarah Indonesia bahawa sudah mempunyai tokoh yang mengamalkan *home schooling* seperti KH. Agus Salim, Ki Hajar Dewantara dan Buya Hamka.

Ibu bapa memainkan peranan utama bagi *home schooling* iaitu *parenting life* yang mengibaratkan ibu bapa dan anak tidak dapat dipisahkan dan sentiasa saling belajar di antara satu sama lain. Selain mengajar sendiri, ibu bapa juga boleh mengundang guru persendirian, mendaftar anak menghadiri kursus, melibatkan anak dalam proses latihan dan sebagainya. Suasana belajar yang kondusif di rumah dapat disesuaikan dengan anak-anak agar mereka dapat mengembangkan setiap potensi unik mereka sehingga mencapai tahap maksima.

Bagaimana memilih *home schooling* ataupun tips bagi memilih *home schooling* yang baik? Mengenali *home schooling* sama ada yang tunggal, majmuk atau komuniti. Model *home schooling* komuniti ini adalah gabungan dari beberapa *home schooling* bagi melaksanakan pembelajaran yang sesuai dengan kesepakatan. Tenaga pengajarnya juga terdiri daripada guru yang lebih profesional dan teruji dalam pelbagai bidang. Sebagai contoh penulis buku telah menghantar anaknya ke Institusi *Home Learning Baitul Qur'any* yang berasaskan konsep kelas *playgroup* pada waktu pagi manakala anak murid diajar mengaji al-Quran pada waktu petang. Mainan juga merupakan satu faktor yang menentukan keselesaan anak-anak untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran baru secara mudah dan cepat. Menurut Dr. Yuliani Nurani Sujiono, pada asasnya bermain mempunyai tujuan utama iaitu ketika anak-anak sedang bermain ia dapat memelihara perkembangan atau pertumbuhan optima anak di awal usia melalui pendekatan bermain yang kreatif, interaktif dan bersepadu dengan persekitaran.

Kurikulum juga merupakan jantung pendidikan. Semua aktiviti pembelajaran digerakkan oleh kurikulum. Oleh sebab itu kurikulum perlu mempunyai visi masa hadapan yang dinamik, progresif dan memenuhi jangkauan masa. Kurikulum adalah cara anak menuju ke arah kejayaan. Namun, kurikulum perlu berdasarkan minat anak dan tidak boleh dipaksa. "Pengetahuan: Gunakan atau lupakan", seperti petikan daripada buku yang ditulis oleh Rick Boyer. Marsha Ransom pula menerangkan pemilihan kurikulum amat bergantung kepada gaya belajar anak, keperibadian anak, kegemaran anak, kemampuan dan kematangan anak dalam menyerap maklumat, serta tujuan pendidikan yang ingin dicapai. Perbelanjaan atau kos yang mampu ditanggung dan faktor lokasi yang berdekatan dengan rumah juga menjadi elemen yang perlu dipertimbangkan ketika memilih *home schooling*.

Ibu bapa perlu membuat persediaan yang mencukupi sebelum melaksanakan *home schooling*. Di antaranya termasuk motivasi dan tujuan ibu bapa memilih *home schooling* kepada anak mereka. Ibu bapa ingin menyediakan kemudahan pendidikan yang terbaik kepada anak-anak mereka. Keadaan ini yang menjadikan ibu bapa mempunyai semangat serta motivasi yang amat tinggi bagi mengatasi segala cabaran yang dihadapi. Ibu bapa juga dinasihatkan agar tidak membuat keputusan memilih *home schooling* berdasarkan situasi atau keadaan persekolahan yang agak berat berbanding dengan

home schooling yang keadaanya dilihat lebih baik.

Pasangan suami isteri perlu memiliki tujuan dan visi yang sama bagi menjayakan pelaksanaan *home schooling*. Masa yang diperlukan bukan sekadar duduk bersama dan melakukan pelbagai perkara tetapi mendampingi anak-anak dalam proses pembelajaran kerana ibu bapa bertindak sebagai pengajar atau pembimbing kepada anak-anak. Melaksanakan *home schooling* adalah merupakan *lifestyle* dan satu usaha yang berterusan. Selain mengajar perkara yang berkaitan dengan akademik anak, proses mendidik dan membentuk peribadi anak adalah merupakan proses sepanjang hayat bagi ibu bapa.

Ibu bapa atau suami isteri akan lebih mudah melaksanakan *home schooling* jika mereka suka menghabiskan masa bersama anak-anak, suka membacakan buku cerita dan meneroka bersama anak-anak. Cara demikian bukan sekadar membolehkan anak-anak belajar malahan ibu bapa juga turut sama belajar iaitu belajar melalui teladan. Amalan ini memenuhi prinsip Robert Kiyosaki yang menekankan “*life is not about grades, life is about lifelong learning*”.

Home schooling bukan sekadar memindahkan pendidikan anak dari sekolah ke rumah malah *home schooling* perlu bersedia bersaing dengan institusi pendidikan formal supaya mampu menghasilkan individu yang berkualiti dari segi intelektual, moral, emosi, psikomotorik dan rohani. Justeru itu, kemudahan seperti perpustakaan adalah penting bagi *home schooling*. Perpustakaan menyediakan suasana, kemudahan dan menggalakkan anak-anak menyelami dunia pengetahuan, menerokai kemampuan akal, membaca perbezaan hujah dari pelbagai pelosok dunia dan juga aktiviti mengulas atau meringkaskan bahan bacaan.

Kemudahan internet, komputer, suratkhabar dan pelbagai media pembelajaran lain perlu disediakan melalui *home schooling* demi melihat anak-anak berketrampilan dan bersedia berdepan dengan era globalisasi. Untuk memastikan anak-anak menikmati pembelajaran, maka pelbagai jenis mainan perlu disediakan di *home schooling*. Anak-anak akan menjadi lebih cerdas jika permainan disediakan berelemen mendidik sehingga anak mendapat dua manfaat sekaligus iaitu bermain sambil meningkatkan ilmu

dan pengetahuan.

Pengurus dan pengamal *home schooling* hendaklah sedar dan mewujudkan satu forum berkaitan *home schooling* yang boleh dijadikan wadah bagi membincangkan program, kegiatan, kurikulum, pengurusan dan kerjasama. Mereka perlu aktif melibatkan diri dalam perbincangan di dalam facebook, forum, melanggan majalah *home schooling* agar sentiasa mendekatkan diri dengan komuniti *home schooling*. Kejayaan *home schooling* adalah bergantung kepada pemahaman dan komitmen pengamal dan pengurus *home schooling*.


Pengulas:

Lai Sow Woon

Penolong Pengarah
Bahagian Maklumat Umum
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



CHE AMRAN 'RAIHAN' DAN ISYAH RADHIAH IDRIS
Mudahnya dapat A

Petaling Jaya : Galeri Ilmu, 2013. 159ms.
ISBN 978-983-097-437-8

ULASAN

Buku ini bertemakan motivasi bersama petua dan doa bagi mencapai kejayaan peperiksaan atau dengan erti kata lain betapa mudahnya mendapat A. Penulis adalah seorang penyanyi dari kumpulan nasyid Raihan dan beliau menulis hasil dari pemerhatian daripada anak-anaknya dan masyarakat terutamanya golongan pelajar.

Kajian ini terbahagi kepada enam (6) bab di mana penulis memulakan kipasannya tentang kisah sejarawan tokoh-tokoh dan cendekiawan Islam dalam menuntut ilmu iaitu kisah Imam Malik, Imam Abu Hanifah, Imam Asy-Syafi'I, Imam Ahmad, Imam Bukhari dan Imam al-Ghazzali. Penulis juga menerangkan tentang kehidupan seorang pelajar Islam yang cemerlang yang memulakan dan mengakhiri tugas yang dilakukan dengan doa bagi memohon keberkatan. Contohnya amalan berdoa sebelum tidur, bersuci, berwuduk dan sebagainya. Penulis turut merungkai praktis terbaik untuk menjadi pelajar Islam yang cemerlang yang merangkumi tatasusila dan peradaban ketika makan, rajin

beribadah ke masjid, penjagaan masa dan cara bersyukur kepada Allah S.W.T.

Tuntutan menuntut ilmu tidak berakhir selagi hidup dan hendaklah mengikuti adab yang betul dan menghormati guru diterangkan secara terperinci. Pengarang juga menitikberatkan keazaman, menerapkan disiplin, sentiasa bersemangat agar tidak mudah putus asa dalam menuntut ilmu. Sambil itu pelajar juga perlu menetapkan beberapa orang idola untuk mereka sentiasa tidak hilang fokus kepada pembelajaran di dalam atau di luar kelas. Cara-cara pembelajaran melalui fokus bacaan satu demi satu, menggaris fakta penting, ingat dan tulis serta melakarkan peta minda dan amalan meminum air zam-zam turut diterapkan.

Segala amalan harian yang merangkumi tatacara pergaulan, percakapan, beriadah dan ukhuwah Islamiah dititikberatkan secara teliti dan dibincangkan dalam bab ini. Penulis turut menerangkan petua persediaan mental secara awalan dalam mengambil peperiksaan iaitu tidak membuat persediaan pada minit yang terakhir dan tidak lalai. Pelajar harus memandang jauh dan bersedia dari awal lagi kerana ia menjimatkan masa dan tenaga seperti cukup tidur, ulangkaji bagi topik yang penting dan menjaga kesihatan diri. Apa yang lebih penting selari dengan berusaha gigih, sembahyang waktu juga wajib didirikan sambil berdoa dan redha atas apa jua keputusan peperiksaan nanti.

Penulis juga memberi pelbagai doa yang boleh dipraktikkan serta formula yang positif yang menyumbang kepada idea penulisan buku ini. Kesemua idea yang diberikan oleh penulis senang difahami dan praktikal kepada semua pelajar terutama pelajar Islam khususnya. Semua insan di dunia ini memiliki potensi diri untuk berjaya sama ada boleh dikawal atau pun tidak, yang boleh menyumbang kepada kegagalan atau kejayaan. Gaya penulisan adalah berbentuk naratif, deskriptif bersama contoh-contoh tokoh yang popular dalam Islam seperti Imam Syafi'I, Imam Malik dan lain-lain.

Buku ini memperkatakan beberapa idea berkenaan sukses yang boleh digali dan diterokai kerana semua pelajar berhak berjaya dimulai dengan persiapan diri dengan karakter dan formula sukses dan terancang pada masa hadapan.

Buku ini ditulis untuk semua golongan pelajar kerana kejayaan adalah untuk semua dan

dengan idea-idea yang dilontarkan membolehkan pembaca berfikir ke luar dari ruang lingkup. Sistem kepercayaan kepada Allah SWT adalah suatu perkara yang begitu kukuh dalam fikiran dan disokong oleh amalan yang kuat sehingga membentuk sistem yang mempengaruhi gaya fikir minda seseorang. Memiliki minda dan hati nurani yang sihat boleh menyumbang kepada mentaliti yang sihat dan seterusnya mencapai kejayaan dalam peperiksaan.

Akhir sekali penulis menyarankan agar ledakkan potensi diri dengan kuasa sehebat nuklear dapat dilontarkan janji ditanamkan keazaman beserta dipraktikkan dengan kaedah yang sesuai. Kejayaan adalah hak milik semua insan. Mudahnya dapat A padat dengan tip yang berkesan dan mudah bagi membantu pembaca khususnya para pelajar untuk benar-benar bersedia dari segi mental, fizikal, emosi dan rohani dalam menghadapi peperiksaan. Semoga hasilnya bukan sahaja cemerlang di atas kertas tetapi juga mendapat keberkatan ilmu sebagai bekal kehidupan.

Pengulas:

Mohamad Razali Abu Bakar


Penolong Pengarah

Bahagian Pinjaman

Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



**Panduan untuk ibu bapa dan remaja : hai remaja!
pelihara kesihatan fizikal & mental anda**

Batu Caves, Selangor : Ar-Risalah Product, 2013.

208ms.

ISBN 978-967-0268-63-7

ULASAN

Buku ini memberi fokus kepada keseluruhan aspek kesihatan fizikal dan mental remaja merangkumi fasa perubahan fizikal, aspek kesihatan, masalah fizikal dan mental remaja serta cara mengesan dan mencegahnya. Penulis juga menyentuh akan peranan ibu bapa secara khususnya dan masyarakat secara amnya dalam meningkatkan kemahiran keibubapaan dan komunikasi dengan remaja / kanak-kanak.

Penulis memulakan kupsannya dengan merungkai perubahan semasa remaja dari segi fizikal, emosi dan psikologi. Pada peringkat umur ini, remaja akan tertarik dengan rakan yang berlainan jantina dan cuba meniru apa yang dilakukan rakan sebaya agar diterima. Ketika inilah remaja harus bijak membatasi pergaulannya dan memilih rakan yang dapat mendorong kepada kebaikan.

Penulis berpandangan bahawa gejala sosial generasi muda negara kita pada masa kini adalah disebabkan kurangnya ilmu pengetahuan dalam mendidik anak-anak di

kalangan ibu bapa terutamanya ibu bapa muda. Generasi muda dilihat sebagai pewaris kepimpinan akan datang memerlukan persediaan akal, fizikal dan mental dalam mengurus, mengawal dan mendidik emosi, ego serta matang membuat keputusan.

Penulis turut mendedahkan keburukan rokok dan tabiat merokok. Ternyata merokok memberi kesan buruk kepada perokok, keluarga dan orang sekeliling. 85-90% asap rokok yang berpunca dari sebatang rokok akan dilepaskan ke udara dan disedut oleh orang sekeliling.

Penulis turut menyentuh aspek kemahiran keibubapaan. Gaya keibubapaan yang positif akan mengeratkan hubungan antara ibu bapa dan anak-anak, meningkatkan rasa harga diri anak, mendisiplinkan anak dan mengajar anak berdikari. Manakala gaya keibubapaan yang negatif akan menjarakkan hubungan antara ibu bapa dan anak, merendahkan rasa harga diri anak, anak suka memberontak dan menjadi tidak bertanggungjawab.

Buku ini cuba mendekatkan pembaca dengan dunia remaja melalui penerapan ilmu dan kemahiran remaja. Penyampaian penulisan adalah teratur di mana setiap sub perkara dimulakan dengan keterangan, tanda dan gejala, kesan dan akibat, pencegahan dan juga pemulihan. Kandungan buku ini dikupas berdasarkan kajian-kajian yang sahih walau bagaimanapun dengan menggunakan bahasa yang mudah bagi membolehkan semua peringkat umur terutamanya remaja dan orang dewasa dapat memahami isi kandungan yang disampaikan penulis.

Walaupun penulis menekankan aspek kesihatan fizikal dan mental remaja, elemen-elemen yang diserapkan dalam setiap sub kandungan amat membantu ibu bapa untuk mengenalpasti langkah-langkah penting dalam membentuk sebuah keluarga yang mencapai kesihatan rohani, fizikal mahupun mental yang baik.


Pengulas:

Anis Mat Saat

Penolong Pengarah
Bahagian Pinjaman
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



GRAY, JERRY D.

Rasulullah is my doctor

Batu Caves, Selangor : PTS Islamika, 2013. 267ms.

ISBN 978-967-366-137-4

ULASAN

Rasulullah Is My Doctor adalah sebuah buku mengenai penjagaan kesihatan dan pemakanan menurut sunnah Rasulullah SAW. Penulis menyarankan penolakan penggunaan perubatan-perubatan moden yang berasaskan bahan-bahan kimia. Beliau lebih menekankan pengambilan makanan-makanan yang baik seperti madu dan biji jintan hitam yang tertulis di dalam al-Quran dan juga hadis nabi. Buku ini juga mencadangkan beberapa jenis ramuan perubatan semulajadi yang boleh dipraktikkan dalam kehidupan seharian.

Perubatan yang diamalkan oleh Rasulullah SAW adalah berlandaskan al-Quran dan hadis yang merangkumi keutamaan berdoa, ruqyah, manfaat berbekam, menggunakan biji jintan hitam dan madu sebagai ubat serta beberapa tanaman herba untuk menyembuhkan pelbagai penyakit. Penulis juga menceritakan penggunaan ramuan semulajadi yang mudah didapati di pasar seperti epal, lidah buaya, cili merah dan bawang putih dalam mengubati penyakit seiring dengan sunnah Rasulullah SAW. Nabi

juga mengamalkan pengambilan madu untuk menjaga stamina dan kesihatan. Selain itu, madu juga boleh menyembuhkan luka baik luka luaran atau luka dalaman.

Sebagai umat Islam, kita juga digalakkan untuk sentiasa mengambil wuduk kerana wuduk adalah langkah awal yang penting dalam dunia perubatan Nabi SAW. Wuduk adalah pembuka bagi menyembuhkan segala penyakit. Kita juga haruslah sentiasa tauhid pada Allah SWT dan sentiasa berdoa agar dihindarkan dari segala penyakit yang memudaratkan. Disertakan juga pelbagai doa dan hadis yang boleh diamalkan oleh pembaca sebagai pembacaan untuk menyembuhkan penyakit orang lain atau diri sendiri. Ia juga disebut sebagai ruqyah. Penulis juga berkongsi pengalamannya dalam penggunaan biji jintan hitam yang boleh menyembuhkan penyakit seperti sakit belakang, cirit birit, diabetes dan batuk. Manfaat berbekam juga ada diselitkan, diulas di mana boleh mengubati penyakit peredaran darah, alergi dan asma.

Penulis berkongsi pengalamannya sendiri dalam menyembuhkan rabun yang dihadapinya. Penulis menggunakan madu sebagai ubat utama untuk terapi mata beliau. Terdapat juga bukti-bukti kajian di dalam jurnal yang dikongsi oleh penulis bagi mengukuhkan lagi kenyataan beliau mengenai madu yang boleh mengurangkan rabun seseorang. Selain itu, terdapat juga teknik-teknik terapi penglihatan secara sistematik tanpa penggunaan cermin mata.

Penulis turut menerangkan kekacauan perubatan di mana beliau membincangkan mengenai ubat-ubatan moden yang boleh merosakkan sistem dalaman manusia. Selain itu, penulis juga turut membincangkan mengenai vaksin yang sebenarnya berbahaya untuk kesihatan kita.

Buku ini sesuai untuk bacaan golongan dewasa. Melalui pembacaan ini, kita boleh belajar dan mengamalkan gaya hidup yang sihat dengan mengamalkan perubatan yang jelas dinyatakan dalam al-Quran serta sunnah nabi. Ini bukan bermakna kita muah menolak sepenuhnya perubatan moden, namun sekurang-kurangnya kita lebih memahami kesan bahan kimia ke atas tubuh badan. Apa yang kita miliki sebagai umat Islam iaitu bacaan al-Quran dan doa-doa yang perlu diutamakan sebenarnya banyak menguntungkan kita. Pelbagai manfaat yang tidak ternilai boleh didapati dalam buku ini.

Oleh itu, tidak rugi untuk kita memilikinya sebagai salah satu bahan panduan untuk memperoleh kesihatan yang baik.

Pengulas:


Nur Aishah Che Raimi

Penolong Pengarah

Bahagian Maklumat Umum

Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



PAHROL MOHAMAD JUOI
Semuanya soal hati

Kuala Lumpur : Telaga Biru, 2013. 446ms.

ISBN 978-967-388-132-1

ULASAN

Semuanya soal hati, membuat minda kita terhenti sejenak dan akhirnya pasti melahirkan kesimpulan yang cukup ringkas, betul dan tepat pernyataan itu. Hati ialah pemerintah kepada seluruh anggota. Semuanya pasti akan bermula daripada seketul daging yang kecil tetapi besar peranannya iaitu hati. Petikan dari buku ini Rasulullah SAW juga bersabda, bermaksud “Bahawasanya di dalam tubuh badan manusia ada seketul daging. Apabila ia baik, baik pulalah seluruh badan, tetapi apabila ia rosak maka rosak pulalah seluruh badan. Ingatlah ia adalah hati” (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Ketebalan buku ini pasti membuat kita tertanya, apa isinya dan apa ingin disampaikan oleh penulis melalui olahan dua puluh tujuh (27) buah bab. Penulis menggunakan bahasa yang mudah, tepat dan penyampaian maksudnya mempunyai ciri-ciri motivasi kepada para pembaca. Pilihan tajuk bagi setiap bab pasti menarik minat pembaca untuk terus membaca buku ini sehingga ke akhirnya.

Hati merupakan asas kepada segala perbuatan dan perilaku seseorang manusia. Ini kerana “Orang yang sibuk melakukan kebaikan, tidak akan sempat melihat keburukan orang lain”. Dari mana munculnya kata-kata ini? Kalau bukan dari hati. Olahan karya ini merupakan hasil kajian penulis serta pengalaman penulis sewaktu berdakwah.

“Allah tidak memandang rupa lahir kamu dan harta kekayaan kamu tetapi Allah memandang hati dan amalan kamu” (Riwayat Muslim dan Ahmad). Buku ini akan menyoroti pembaca mengapa soal hati sangat penting dan apakah peranan hati dalam kehidupan dan yang paling penting apa yang sepatutnya disemai dan dituai dalam hati orang mukmin?

Karya *Semuanya Soal Hati* dimulakan dengan olahan bab yang menyentuh mengenai dua unsur penting dalam tubuh badan seorang manusia iaitu jasmani (jasad) dan rohani (hati). Unsur dan sifat-sifat hati turut dibincangkan dan diperhalusi dengan beberapa teori sains dan huraiannya juga akan memberikan beberapa contoh yang sering kita lalui secara sedar atau tidak.

Unsur-unsur yang mempengaruhi pembentukan hati juga diuraikan dengan memberikan beberapa keadaan di mana hati dipengaruhi oleh unsur-unsur negatif dan positif. Unsur-unsur ini amat penting bagi seseorang mukmin untuk membentuk dan memelihara kualiti hati. Antara unsur yang penting dan banyak dibincangkan adalah nafsu. Nafsu adalah antara unsur yang berupaya mempengaruhi hati dalam memerintah anggota tubuh yang lain untuk bertindak.

Pengakhiran bab, penulis menggarapkan beberapa ciri hati seorang mukmin dan perkara-perkara yang perlu diperhalusi oleh seseorang untuk menjadi seorang mukmin yang baik dalam menjalani kehidupan seharian yang mana penghujungnya adalah mati. Buku ini sesuai sebagai bacaan ilmiah yang akan membuka minda dan hati kita untuk terus memperbaiki diri terutamanya dalam membentuk kualiti hati seorang mukmin.

Pengulas:

Norazlin Naseri

Penolong Pengarah

Bahagian Khidmat Pelanggan

Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



NIK MAHERAN NIK MUHAMMAD DAN MARHAINI HJ.
MOHD. HASSAN

**Wanita bitrovert : membina keyakinan diri dan
berfikiran positif**

Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013.
210ms.

ISBN 978-983-46-1227-6

ULASAN

Buku *Wanita Bitrovert Membina Keyakinan Diri Dan Berfikiran Positif* merupakan sebuah karya yang bertemakan motivasi dan bidang psikologi. Buku ini ditulis oleh dua personaliti wanita iaitu, Profesor Dr. Nik Maheran Nik Muhammad profesor dalam bidang kewangan, Universiti Malaysia Kelantan dan Puan Marhaini Hj. Mohd. Hassan, pensyarah kanan di Universiti Teknologi Mara (UiTM). Skop kajian buku ini memfokus kepada kesedaran seseorang wanita mengklasifikasikan diri sama ada “extrovert” ataupun “introvert”.

Pengarang menyokong tema dan tesis buku ini dengan memberikan beberapa panduan membina keyakinan dan melonjakkan harga diri. Penulis mengambil beberapa contoh hasil kajian pakar-pakar psikologi dan personaliti bagi menyokong hujah beliau dalam buku ini.

Penulis turut memberi beberapa petua dalam meningkatkan keyakinan dan potensi diri. Melalui petua yang diberikan, wanita akan dapat membuka minda dalam sudut perancangan kewangan dan kepentingan keyakinan kewangan. Harapan penulis, agar buku ini dapat dijadikan sebagai kompas, mengemudikan kehidupan ke arah yang telah direncanakan.

Isi kandungan buku ini menghuraikan ciri-ciri peribadi wanita ekstrovert dan introvert. Penulis juga memberi beberapa panduan dalam menyelesaikan konflik antara dua ciri yang berbeza ini. Kadangkala kedua-dua personaliti ini perlu diubah berdasarkan keadaan dan keperluan masa depan dalam membina kecemerlangan diri. Dalam hal ini, penulis memberi beberapa cara menukar personaliti dan dihuraikan sebab-sebab perlunya mengubah personaliti. Penulis juga memberikan panduan dalam membina keyakinan diri dengan memberi beberapa panduan untuk mengatasi rasa rendah diri, meningkatkan imej diri dan membina kehidupan yang diinginkan.

Beberapa panduan untuk berasa ceria, gembira dan kelihatan muda juga dimuatkan dalam buku ini. Panduan tersebut ialah berkaitan dengan cara-cara menangani kegagalan, bangkit setelah gagal dan menjadi ceria dan kelihatan muda. Dalam hal ini, kita harus menjadi seorang yang tenang dan gembira walaupun menghadapi kemelut melalui beberapa cara yang diberikan penulis. Untuk menjadi ceria dan muda jelita, beberapa petua dalam menjaga kesihatan dalaman dan luaran turut dihuraikan penulis.

Penulis turut menghuraikan individu yang berperibadi introvert dan ekstrovert. Menurut penulis, individu introvert suka bersendirian dan memberikan fokus pada diri. Introvert juga seorang yang fokus dalam menyiapkan tugas dan mempunyai pendirian yang utuh. Manakala ekstrovert pula suka di kelilingi orang ramai, sukakan perhatian, yakin dengan diri sendiri, peramah dan suka bersosial.

Keyakinan kewangan dan harga diri juga turut dihuraikan penulis dalam buku ini. Hal ini kerana melalui petua-petua yang telah diberikan dalam bab-bab sebelumnya akan membuka minda pembaca dalam aspek pentingnya keyakinan kewangan. Dalam hal ini, penulis memberi beberapa petua pelaburan, panduan menabung dan ciri-ciri penabung, pemboros dan pelabur. Turut dihuraikan juga personaliti kewangan dan

kekeluargaan tidak seragam yang berkait rapat dengan wang, cinta dan perkahwinan.


Buku setebal 210 halaman ini sesuai dibaca oleh sesiapa sahaja tanpa mengira usia. Melalui buku ini pembaca akan dapat mengenali personaliti diri sendiri dan sekaligus mengetahui kelemahan dan keyakinan diri. Pemahaman dalam mengklasifikasikan diri akan membantu pembaca bertindak balas terhadap persekitaran dan menangani masalah yang timbul dengan berkesan.

Pengulas:

Nur Fatihah Al-Zahra Moh

Penolong Pegawai Perpustakaan
Bahagian Pinjaman
Perpustakaan Negara Malaysia


SINOPSIS BUKU



SHAHRIL NIZAM ZULKIPLI
DAN ISHAK SULIAMAN
Autoriti hadis di internet
Kuala Lumpur : Penerbit
Universiti Malaya, 2013.
185ms.
ISBN 978-983-100-598-9

Kedudukan hadis sebagai sumber kedua selepas al-Quran menjadikannya istimewa di kalangan ulama sejak zaman sahabat sehingga ke hari ini. Para sahabat berusaha memelihara hadis sebagai hafalan dan catatan jelas membuktikan kesungguhan mereka dalam mempertahankan sunnah. Kemajuan teknologi maklumat pada masa kini telah membangunkan paparan teks hadis dalam bentuk elektronik visual. Pemakaian hadis di internet perlu diberi perhatian agar aspek autoriti dapat dipelihara dengan baik. Usaha pemeliharaan ini untuk memastikan ketulenan dan autoriti teks hadis sebagai sumber rujukan utama. Penelitian aspek ketulenan, kesahihan dan autoriti teks matan dan sanad adalah sangat penting berikutan wujud banyak laman web berkaitan hadis. Penilaian semula perlu dilakukan terhadap aspek pemakaian hadis berdasarkan ketepatan teks dan baris matan, ketepatan teks dan baris sanad, kedudukan hadis di dalam kitab dan bab, rawi al-A'la dan al-Muhaddith berlandaskan perbahasan ulama berkenaan Hadis al-Musahhof. Analisis terhadap aspek keselamatan akses dan isu-isu dalam perbahasan Hadis al-Musahhof menjadi tunjang utama dalam memastikan autoriti hadis dapat dinukilkan secara baik di alam siber.


SINOPSIS BUKU



SHAH OTHMAN
Bongkar kuasa 'P' dalam bisnes
Batu Caves, Selangor :
Must Read, 2013. 131ms.
ISBN 978-967-0392-36-3

Semuanya bermula dengan unsur penggarapan perkongsian idea dan panduan untuk berjaya melalui perniagaan. Kaedah dan teknik yang tepat dalam strategi menguruskan perniagaan sebelum, semasa dan sesudah diperjelaskan agar impak produk yang berkesan membawa hasil bernilai tinggi iaitu marginal untung. Pengolahan idea melalui persembahan susun kata yang teratur dan mudah difahami terutama bagi yang inginkan tips-tips dalam menelusuri bidang perniagaan. Setiap bab mengutarakan elemen-elemen tersendiri yang digalurkan secara jujur mengenai aspek-aspek pemasaran, produk, ketetapan harga (*pricing*), promosi, pelanggan, pekerja, peluang, keghairahan dalam perniagaan (*passion*), pengoperasian bersistem, pengaruh dan akhir sekali menjelaskan sepuluh faktor yang berupaya menggagalkan perniagaan. Senario teknologi terkini menuntut pengusaha perniagaan bersaing dan harus sentiasa lengkap dengan ilmu pengetahuan di bidang yang diusahakan demi mempengaruhi kejayaan dalam perniagaan. Bijak membaca rentak pasaran dan kreatif mengambil peluang serta memenangi hati pelanggan adalah antara strategi dalam buku ini yang menjadi modal untuk bisnes yang luar biasa.


SINOPSIS BUKU



This book will show you how to invest in property and create residual income that can eventually replace earned income. Using a few simple principles, you can grow your own property portfolio that will provide all the money you need and leave you free to enjoy life. The information in this book can enable you to retire younger and richer than you may ever have thought possible. Buying to let is ideally based on a medium to long-term investment outlook. Indeed, it could be said to be equivalent of value investing in shares, which is based on the idea of buying stock that is undervalued relative to its long-term trend or prospects.

BRYANT, ANGELA
**The complete guide to
property investing
success**
Petaling Jaya : Advantage
Quest, 2013. 282p.
ISBN 978-967-0484-25-9

SINOPSIS BUKU



MOHD YUSOFF MOHD NOR, SUFEAN HUSSIN
Demokrasi pendidikan : dilema sekolah kecil dan sekolah berpusat


Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 2013.
224ms.

ISBN 978-983-100-573-6

Buku ini mendedahkan bahawa lebih daripada 2,500 sekolah kecil atau sekolah kurang murid di Malaysia. Ia merupakan satu fenomena yang menyokong dasar demokrasi pendidikan, iaitu pemberian peluang literasi pendidikan yang sama rata dan berkualiti kepada semua kanak-kanak, khasnya di kawasan pedalaman yang terpinggir daripada arus perdana pendidikan. Demokrasi pendidikan mempunyai matlamat pembangunan masyarakat dan negara melalui pendidikan formal dalam pelbagai jenis, aliran dan peringkat. Masyarakat yang berpendidikan ialah ciri-ciri masyarakat maju iaitu yang sentiasa menimba ilmu dan kemahiran untuk memajukan teknologi dan daya usaha bagi mencapai taraf ekonomi yang tinggi dan seterusnya taraf hidup tinggi. Inilah komitmen kerajaan Malaysia sejak tahun 1950-an hingga kini iaitu pendidikan untuk semua.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



ZUHAIMY ISMAIL
Dinar emas dan dirham perak : menepati keperluan zaman
Johor Bahru : UTMDdRG,
2013. 184ms.
ISBN 978-983-44572-1-1

Buku ini membentangkan 4 perkara utama yang perlu diambil perhatian oleh masyarakat Islam iaitu riba, sistem kapitalis, cadangan penggunaan emas dan dirham dan yang terakhir adalah isu semasa mengenai emas dan dirham. Buku ini ditujukan kepada mereka yang berminat mengenai sistem kewangan Islam yang berasaskan emas dan perak. Pembaca akan mengetahui bagaimana dunia Islam dimanipulasi dengan sistem kewangan kapitalis yang menggunakan sistem kewangan berteraskan wang fiat. Dalam zaman yang penuh dengan ilusi sistem nilai, sistem penilaian ilmu dan muamalat serta pegangan keagamaan yang samar, buku ini akan mengajak pembaca untuk merenung kembali dan memikirkan tentang sistem yang diguna pakai sekarang. Buku ini juga membentangkan usaha untuk mengembalikan dinar emas dan dirham perak sebagai mata wang umat Islam.

SINOPSIS BUKU




Gender dalam sastera Melayu

Bangi, Selangor : Penerbit UKM, 2013. 211ms.
ISBN 978-967-412-102-0

Siri ini menyediakan ruang menerbitkan kajian yang berkaitan dengan Melayu pada kedua-dua ufuk iaitu nasional dan antarabangsa serta moden dan tradisional. Buku ini ialah sebahagian daripada hasil projek *Fundamental Research Grant Scheme* yang diusahakan di bawah naungan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Buku ini lebih menjurus kepada rungkaianteks yang mengekalkan teras penyelidikan iaitu menilai semula takrif gender dan hubungan gender dalam sastera Melayu. Khusus bagi buku ini, mauduk tersebut diserahkan melalui beberapa buah makalah oleh beberapa orang pengkritik yang menganalisis beberapa buah teks terdiri daripada pelbagai genre dari perspektif yang tertentu. Lapan buah makalah yang terkumpul dalam buku ini merupakan rungkaiansecara praktis terhadap teks sastera Melayu yang meliputi pelbagai genre termasuk novel, cerpen, karya tradisional dan moden, popular serta serius, dan fiksyen sains, hasil nukilan penulis wanita dan juga lelaki.

SINOPSIS BUKU




Hadiyah PM Najib untuk rakyat

Putrajaya : Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, 2013. 202ms.
ISBN 978-983-54-0579-2

Buku ini merupakan sebuah naskhah yang melakarkan perjuangan YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia yang keenam yang mencurahkan segala kudrat yang ada untuk memberi yang terbaik kepada rakyat. Janji beliau dalam "Gagasan 1Malaysia : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" adalah untuk tidak meminggirkan rakyatnya, walau mereka di bandar atau desa. Beliau telah mengumumkan barisan kabinetnya dan mengarahkan setiap menteri untuk menyediakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang jelas merangkumi perincian tugas berkaitan tanggungjawab dengan matlamat agar setiap anggota kabinet benar-benar menggalas amanah sebagaimana yang dimandatkan oleh rakyat. Beliau juga yang telah memperkenalkan pelbagai program transformasi iaitu Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi, Program Transformasi Politik, Program Transformasi Sosial dan Program Transformasi Digital bagi tujuan kemakmuran dan kestabilan negara ini.

SINOPSIS BUKU




PATHMANATHAN R.
NALASAMY, SITI HAJAR
ABU BAKAR
**Hak kanak-kanak dalam
jagaan institusi awam**
Kuala Lumpur : Penerbit
Universiti Malaya, 2013.
243ms.
ISBN 978-983-100-574-3

Buku ini membincangkan usaha kerajaan Malaysia untuk melaksanakan hak kanak-kanak yang diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menerusi Konvensyen Mengenai Kanak-Kanak (*Convention on the Rights of the Child* atau CRC) di kalangan kanak-kanak yang sedang menerima jagaan dan perlindungan institusi awam. Buku ini memberi tumpuan kepada hak kanak-kanak kerana kebijikan kanak-kanak lebih terjamin seandainya pemeliharaan, perlindungan dan kebijikan yang disediakan untuk kanak-kanak dilihat sebagai hak sosial kanak-kanak. Buku ini sesuai untuk membantu anggota masyarakat, khususnya para pengamal kerja sosial, para profesional yang terlibat dalam penjagaan sosial kanak-kanak, pekerja sukarela, ahli akademik dan mereka yang berminat dengan kebijikan kanak-kanak di Malaysia supaya mendapat gambaran mengenai hak kanak-kanak, amalan implementasinya,kekangan dan usaha yang boleh dilakukan oleh agensi yang terlibat dalam menambah baik perlaksanaan hak kanak-kanak.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



MAHATHIR BIN
MOHAMAD, TUN
Hak seorang warganegara : blog merentas halangan
Kuala Lumpur : Berita Pub.,
2013. 170ms.
ISBN 978-967-969-628-8

Tun Dr Mahathir Mohamad adalah seorang ahli politik yang tidak perlu diperkenalkan lagi. Beliau juga dikenali sebagai seorang penulis. Beliau adalah antara golongan terawal yang merakamkan pemikiran politik dalam bentuk penulisan. Walaupun selepas bersara dari dunia politik, beliau tidak pernah berhenti menulis. Apabila disekat dari muncul dalam arus media perdana sejurus persaraannya, beliau menggunakan media baru, khususnya blog bagi berkongsi pandangan dan pendapat dengan khalayak umum. Blog chedet.com mendapat sambutan hangat dan meletakkan beliau sebagai penulis blog yang paling banyak pengikut. Buku ini memaparkan inti pati pemikiran Tun Dr Mahathir yang masih relevan sehingga hari ini. Walaupun telah bersara sebagai Perdana Menteri, pemikiran beliau terus menarik minat rakyat Malaysia.

SINOPSIS BUKU



MOHAMAD SUHAILY
YUSRI CHE NGAH,
MOHAMAD ISA HASHIM,
NASIR NAYAN

Hidrologi dan pengurusan sumber air di Malaysia


Tanjong Malim, Perak :
Jabatan Geografi dan Alam Sekitar, Fakulti Sains
Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
2013. 200ms.

ISBN 978-983-2063-63-6

Buku ini memaparkan aspek terminologi hidrologi berasaskan sumber air dan tadbir urus air terhadap alam semulajadi di Malaysia. Rujukan ilmiah ini sesuai dijadikan panduan untuk para akademik peringkat universiti dalam merencanakan kuantiti dan kualiti dalam pengurusan sumber air yang berkesan. Pengkajian dibuat terhadap pengurusan lembangan sumber air terpilih di serata Malaysia dan impak terhadap alam sekitar telah menjuruskan hasil penemuan melalui himpunan artikel yang disokong dengan ilustrasi serta statistik. Kepekaan masyarakat terhadap kepentingan sumber air secara mendalam melalui penyaluran sumber maklumat yang terdapat dalam buku ini, sedikit sebanyak dapat memberi pemahaman kepada pembaca. Ternyata, di sini corak persembahan dan penjelasan mengenai aspek hidrologi dan pengurusan sumber air walaupun agak teknikal tetapi masih berupaya menyampaikan maksudnya kepada pembaca umum.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




TEOH, JASON AND TAN,
STACY
**Highly employable
graduates : how you can
become one?**
Petaling Jaya : TrueWealth,
2013. 151p.
ISBN 978-967-416-015-9

Joining the work force today is becoming more and more competitive. While thousands of new graduates aim to be part of huge successful corporations only a small percentage of them succeed. Fresh graduates chasing that dream job need not only excel in their academics, but also demonstrate a strong drive for success in addition to leadership abilities and non-academic achievements. However, a highly-challenging and rewarding career with immense exposure and exciting opportunities await those who are willing to go the extra mile. Achieving success at global organization demand for graduates to come with well developed leadership competencies not just in delivering high quality work, but also engaging stakeholders, clients and colleagues within a high performance team. Graduates are urged to seek opportunities to groom their potential toward becoming world class talent for their future employers. So, you know now that this book is about what you need to do to maximize the time that you have in your hands and ensure that every second granted to you will be utilized fully in the name of your personnel development and a better future.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




Inspirasi kepimpinan Polis Diraja Malaysia teras integriti pasukan

Kuala Lumpur : Polis DiRaja
Malaysia, 2013. 278ms.
ISBN 978-967-5091-25-4

Buku ini mengandungi rakaman wawancara bersama mantan Ketua Polis Negara YDH Tan Sri Ismail bin Haji Omar berserta petikan-petikan rakaman lisan dan testimonial beberapa orang tokoh yang lain mengenai kepimpinan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Kepimpinan pasukan PDRM bertunjangkan prinsip dan nilai integriti yang tinggi telah menjadikan PDRM masih teguh berdiri, tegap dan megah dalam menjaga kedaulatan undang-undang serta keamanan dan keselamatan rakyat tanpa mengira waktu dan tempat. Dalam mengekalkan martabat bangsa dan negara, menjadikan PDRM kekal relevan, penting dan disanjungi, inspirasi kepimpinan PDRM menjadi elemen paling utama kerana ia mencerminkan teras kepada pemupukan prinsip integriti pasukan. Kepimpinan yang berteraskan integriti, telus, ikhlas dan mapan terus menjadi perangsang, memberikan inspirasi dan penyuntik semangat kepada setiap warga PDRM untuk meneruskan perjuangan menjaga keamanan dan keselamatan negara pada setiap masa tanpa mengenal penat lelah.

SINOPSIS BUKU



UNGKU MAIMUNAH MOHD
TAHIR, ZULKARNAIN
MOHAMED
**Islam feminism barat dan
sastera Melayu**
Bangi, Selangor : Penerbit
Universiti Kebangsaan
Malaysia, 2013. 184ms.
ISBN 978-967-412-091-7

Buku ini menjurus kepada persoalan yang sering mendapat perhatian dalam medan kesusasteraan iaitu wanita serta perihal penampilannya dalam karya kreatif. Justeru, buku ini mengajukan perbincangan tentang Islam, feminism Barat serta kaitannya dengan sastera Melayu. Penulis buku ini telah berusaha menggabungkan tiga unsur penting iaitu perspektif Islam, budaya Melayu dan teori Barat khususnya feminism, yang terakhir selaku kerangka analisis yang kerap menjadi pilihan penulis kreatif dan juga pengkritik. Buku ini mengetengahkan perbincangan mendalam daripada perspektif Islam dan juga feminism Barat agar keduanya dapat dihayati untuk membolehkan persoalan mengenainya dapat dirungkai. Pelbagai teori dan pandangan diketengahkan untuk menjawab pelbagai persoalan mengenai perkara ini.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



**EMRULL IQBARULLAH
Jana wang daripada
hartanah : pengurusan
kewangan dan harta
menggunakan 5S**

Petaling Jaya : TrueWealth
Pub., 2013. 103ms.
ISBN 978-967-416-022-7

Sistem 5S digunakan untuk meningkatkan produktiviti melalui suasana ruang kerja yang selamat dan kondusif. Perlaksanaan 5S perlu difahami dengan sedalamnya dan proses ke arah 5S perlulah mengambil jalan yang praktikal. Seorang tuan rumah yang bijak harus melengkapkan diri dengan teknik penyelenggaraan harta yang efektif supaya tidak kerugian daripada segi masa dan wang ringgit. Buku ini akan mendedahkan mengenai panduan pengurusan kewangan dan harta yang sistematik menggunakan Sistem 5S. Tidak kiralah berapa jumlah harta yang dimiliki, pengintegrasian sistem yang diterangkan di dalam buku ini akan menjadikan proses kerja semudah 5S. Faedah yang boleh didapati daripada Sistem 5S ialah dapat meningkatkan keselamatan, kepuasan, mengurangkan kos penyelenggaraan, peningkatan pendapatan, imej yang positif yang akhirnya akan memberi keuntungan kepada pemilik rumah dalam jangka masa yang panjang.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



AZMI HAJI ABU BAKAR
Jom cari kerja!
Kuala Lumpur : Telaga Biru,
2013. 132ms.
ISBN 978-967-388-116-1

Buku ini merupakan perkongsian praktikal daripada pengamal pengurusan sumber manusia. Buku ini merupakan satu motivasi kepada pembaca dan dilengkapkan dengan maklumat penting yang perlu diketahui sebelum mencari pekerjaan. Buku ini mengandungi panduan berguna kepada pembaca yang dalam usaha untuk mencari dan mendapatkan pekerjaan seperti penyediaan *resume* yang lengkap, persediaan menghadapi temuduga, persediaan semasa temuduga serta pengetahuan mengenai Akta Kerja 1955 yang mana ianya penting bagi pekerja untuk memahaminya. Soalan-soalan lazim semasa temuduga juga turut disertakan bagi memberi gambaran jelas kepada pembaca untuk persediaan menjawab soalan semasa temuduga. Melalui pembacaan buku ini, pembaca akan dapat melengkapkan diri dengan ilmu persediaan untuk menghadiri temuduga dan menjadi motivasi untuk terus berusaha mencari pekerjaan.

SINOPSIS BUKU




Keselamatan insan di Malaysia dan Indonesia : dari pemerdagangan manusia ke pemanasan global

Bangi, Selangor : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013. 193ms.
ISBN 978-967-412-105-1

Banyak ancaman baru kepada keselamatan insan telah timbul dan ancaman bentuk tradisional semakin meningkat seiring dengan kepantasannya rentak globalisasi yang mengatasi keupayaan kerajaan untuk bertindak balas dan membentuk polisi baru menangani masalah keselamatan negara. Buku ini merupakan himpunan penulisan penyelidik dari Malaysia dan Indonesia. Hasil penulisan ini membincangkan secara mendalam tentang bentuk ancaman yang dihadapi oleh insan di Malaysia dan Indonesia dengan fokus lebih khusus kepada isu pemerdagangan manusia, keselamatan peribadi (wanita), pengedaran senjata kecil dan ringan (SKR), isu keselamatan makanan serta masalah pemanasan global. Kesemua bab dalam buku ini cuba mengetengahkan idea bahawa keselamatan insan adalah prasyarat bagi pembangunan manusia bukan sebaliknya.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




AZHAR HJ. WAHID
Kritikan intelektualisme sastera Melayu
Tanjong Malim, Perak :
Penerbit Universiti
Pendidikan Sultan Idris,
2013. 176ms.
ISBN 978-967-0480-21-3

Buku ini membawa pembaca meneroka dalam mengenali sastera Melayu dalam membangunkan pembentukan negara bangsa seiring dengan situasi globalisasi. Perbincangan yang digarap dari awal perkembangan kesusasteraan Melayu sehingga kini telah diadunkan dalam buku ini. Ini dapat dilihat semasa golongan nasionalis memperjuangkan kemerdekaan dalam menyampaikan idea untuk meniup semangat anti penjajah melalui karya-karya mereka yang merupakan satu wahana yang amat penting bagi pembebasan bangsa daripada belenggu penjajahan. Pandangan dan pendapat penulis mengenai sastera Melayu ini telah memberi pendedahan kepada generasi masa kini bahawa ianya perlu dipertahankan agar sastera Melayu seperti *Sejarah Melayu*, *Hikayat Hang Tuah*, *Misa Melayu* dan sebagainya, terpelihara dan terpulihara daripada anasir-anasir perosak bangsa.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



HAMEDI MOHD ADNAN
Majalah Melayu selepas perang
Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 2013.
281ms.
ISBN 978-983-100-558-3

Penerbitan majalah dapat dilakukan dengan sempurna seandainya penerbit memberikan pertimbangan yang saksama kepada tiga elemen yang menjadi tiangnya, iaitu editorial, sirkulasi, dan iklan. Untuk membolehkan majalah bertahan di pasaran, ketiga-tiga tiang haruslah bantu-membantu. Tanggungjawab untuk menarik pembaca dan dengan demikian akan meningkatkan sirkulasi hendaklah dilaksanakan oleh kandungan editorial. Peningkatan sirkulasi akan mendorong peningkatan pendapatan daripada iklan. Manakala sirkulasi merujuk kaedah atau cara majalah diedarkan dan dijual kepada khalayak sementara iklan merujuk kepada pendapatan yang diperoleh penerbit daripada penyediaan ruang-ruang iklan di halaman majalahnya. Hubungan antara sirkulasi dan iklan akan menentukan ekonomi penerbitan majalah.


SINOPSIS BUKU



AHMAT ADAM
Melayu, nasionalisme radikal dan pembinaan bangsa
Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 2013.
200ms.
ISBN 978-983-100-583-5

Buku ini merupakan koleksi himpunan kertas kerja penyelidikan yang telah dibentangkan di beberapa seminar dan persidangan bermula dari tahun 1994 hingga 2012. Ia membincarkan sejarah asal-usul bangsa Melayu dalam konteks gugusan kepulauan Melayu, pembentukan jati diri, dan kaitannya dengan gagasan "kemelayuan", serta kesedaran kebangsaan yang lahir sebelum Perang Dunia Kedua akibat pengaruh dari seberang Selat Melaka. Secara khususnya, buku ini menumpukan kepada sejarah pertumbuhan dan perkembangan politik radikal di kalangan orang Melayu dan cuba membahaskan tanggapan serta respons mereka terhadap terhadap keberadaan bangsa-bangsa bukan Melayu dalam upaya pembentukan suatu bangsa Malaya dan kemudiannya Malaysia. Hasil perbincangan yang telah dibukukan ini merupakan sumbangan fikiran terhadap muzakarah intelektual mengenai orang Melayu dan perkembangan politik semasa yang kini sedang rancak berlaku di kalangan anggota masyarakat Malaysia melalui blog-blog politik di internet.

SINOPSIS BUKU




ARIFIN, YANUAR
**Mencontohi sikap
Rasulullah s.a.w. ketika
disakiti**

Batu Caves, Selangor : Al-Hidayah House of Publisher,
2013. 234ms.
ISBN 978-967-0465-62-3

Buku ini menceritakan kisah-kisah yang berlaku kepada Rasulullah S.A.W ketika berjuang dalam menyampaikan dakwah baginda. Kejayaan yang diperolehi oleh baginda tidak diraih dengan mudah kerana ia disertai dengan pelbagai cubaan dan rintangan daripada musuh-musuhnya. Ketika menyampaikan risalah kenabiannya, berkali-kali baginda telah disakiti oleh para penentangnya. Baginda pernah diludah oleh seorang nenek tua, diracun oleh seorang wanita Yahudi, dilempar batu hingga keping dan tubuhnya berdarah oleh penduduk Kota Ta'if, dilempar dengan kotoran, dituduh sebagai penyihir, dilabel sebagai orang gila, dan pelbagai cubaan hina dan keji yang lain. Dalam kisah-kisah tersebut, Rasulullah memperlihatkan sikap mulia dengan tidak membala segala perbuatan itu malah berdoa kepada Allah S.W.T agar memberikan hidayah kepada pelakunya. Di samping itu, buku ini juga menyelitkan petikan ayat-ayat Quran yang berkaitan dengan kisah-kisah tersebut.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




MOHD AL ADIB SAMURI
Menjernih hidup beragama : sebaik-baik petunjuk adalah Nabi
Petaling Jaya : Galeri Ilmu, 2013. 435ms.
ISBN 978-983-097-4088

Buku yang sarat dengan nilai tarbiah serta ilmu ini mengajak pembaca berfikir dan berusaha mengubah diri ke arah yang lebih baik agar mendapat redha Allah SWT. *Menjernih Hidup Beragama* ialah ajakan, nasihat, teguran dan penerangan yang jelas kepada masyarakat Islam khususnya dalam beberapa aspek kehidupan beragama seperti ibadah, akidah dan akhlak. Keluarga adalah asas ke arah pembentukan masyarakat yang bahagia dan sejahtera. Pembinaan keluarga bahagia mestilah menerapkan cara hidup yang positif berlandaskan ilmu dan nilai-nilai yang baik. Dalam kehidupan, setiap insan mempunyai cara hidup tersendiri untuk menentukan kebahagiaan. Islam menggalakkan perkahwinan yang bertujuan untuk mengawal dan mengatur fitrah kehidupan manusia demi kebaikan di dunia dan akhirat. Pembentukan keluarga bahagia mestilah berlandaskan ajaran Islam. Manusia memerlukan petunjuk dan hidayah Allah SWT untuk mencapai kejayaan dalam kehidupan duniawi dan ukhrawi. Keluarga sangat penting dalam kehidupan manusia kerana keluarga merupakan asas dalam pembinaan masyarakat dan negara yang sejahtera.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



AIZAM ZAINAL ABIDIN
Pengenalan kepada reka bentuk dan sistem akuakultur di Malaysia

Kuala Terengganu :
Penerbit UMT, Universiti
Malaysia Terengganu,
2013. 150ms.
ISBN 978-967-0524-10-8

Industri akuakultur di Malaysia semakin berkembang pesat selaras dengan usaha Kementerian Industri Asas Tani yang mewujudkan pelbagai akta dan program untuk membantu dan menggalakkan lagi pembangunan industri ini. Orang ramai kini sedar bahawa bidang akuakultur sememangnya menjanjikan hasil yang lumayan kerana permintaan kepada sumber protein daripada ikan semakin meningkat saban hari. Tambahan pula, hasil tangkapan ikan di habitat semulajadi semakin berkurangan dan tidak lagi mampu untuk menampung permintaan pengguna di dalam dan luar negara. Mereka yang berminat menceburji bidang ini perlu mempunyai kemampuan dari segi modal, pengetahuan dan mengetahui strategi untuk menguasai pasaran. Buku ini memberi pendedahan kepada orang ramai yang ingin menceburkan diri atau mendalami bidang akuakultur serta menambah pengetahuan dan memperoleh gambaran lebih jelas tentang rekabentuk dan sistem akuakultur di Malaysia.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



PENGURUSAN
SUMBER MANUSIA
BERDAYA SAING


ZAFIR MOHD MAKHBUL

ZAFIR MOHD MAKHBUL
Pengurusan sumber manusia berdaya saing
Bangi, Selangor : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013. 231ms.
ISBN 978-967-412-044-3

Pengurusan sumber manusia merupakan satu sistem, falsafah, polisi dan amalan yang boleh mempengaruhi pekerja dalam sesbuah organisasi. Berfungsi bagi memastikan kuantiti dan kualiti pekerja dalam menyokong misi, matlamat dan strategi organisasi dapat dilaksanakan. Ini adalah antara isi kandungan buku tersebut dan ianya disusun dengan kemas dan teratur untuk memberi kefahaman yang mudah kepada pembaca. Selain itu pembaca akan diberi penjelasan dengan terperinci berkaitan tugas-tugas pengurus atau pengamal sumber manusia dalam merancang, mengambil dan memilih pekerja, melatih dan membangunkan pekerja. Turut dibincangkan juga mengenai merancang pembangunan kerjaya, menilai prestasi, mengurus gaji dan faedah, mentadbir keselamatan dan kesihatan pekerja dalam menjayakan perhubungan industri dalam organisasi.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



ABDUL LATIP TALIB
Perang Jementah
Batu Caves, Selangor :
PTS Litera Utama, 2013.
315ms.
ISBN 978-967-408-145-4

Buku yang diadaptasi dari kisah sejarah Perang Jementah yang berlaku di Johor. Perang yang bermula selepas rasa tidak puas hati atas perlantikan adik sebagai sultan mengikut wasiat ayahanda mereka telah menimbulkan huru-hara dan penduduk telah menjadi dua kumpulan. Satu kumpulan menyokong adik yang mengikut wasiat ayahanda mereka dan kumpulan lagi satu menyokong abang yang sepatutnya menjadi sultan. Kisah sejarah ini banyak memberi pengajaran, motivasi, nasihat, panduan, jati diri, dan keberkesanan dalam mematuhi arahan ketua. Selain itu, buku ini juga dapat mendidik kita agar sebelum melaksanakan sesuatu pekerjaan seseorang itu hendaklah mempunyai strategi yang mantap untuk mencapai kejayaan yang cemerlang. Bahasa yang diolah dalam bentuk dialog memudahkan pembaca menghayati jalan cerita sejarah tersebut. Sesuai dibaca oleh semua lapisan masyarakat terutamanya golongan yang meminati sejarah tanah air.

SINOPSIS BUKU



WONG, KIET WAH ... [et al.]


Perkembangan kanak-kanak

Shah Alam : Oxford Fajar,
2013. 211ms.
ISBN 978-967-65-7867-9

Buku ini dihasilkan berdasarkan proforma kursus Pengajian Profesional yang ditawarkan dalam Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Kementerian Pelajaran Malaysia. Kursus Pengajian Profesional merupakan komponen teras dalam struktur PISMP. Buku yang mengandungi tujuh bab ini merangkumi proses perkembangan kanak-kanak dari sudut fitrah kejadian manusia menurut perspektif agama dan biologi, faktor yang mempengaruhi perkembangannya, peringkat perkembangan fizikal, bahasa dan kognitif, teori perkembangan sosioemosi, perkembangan kendiri serta ciri-ciri kanak-kanak keperluan khas. Turut disertakan juga soalan-soalan latihan untuk tujuan pengukuran. Penerbitan buku ini menepati hasrat yang diharapkan kerana ditulis oleh pensyarah yang pakar dan berpengalaman. Buku ini bukan sahaja membimbing pelajar memahami konsep dan ciri-ciri tentang tajuk yang dibincangkan tetapi sesuai sebagai bahan rujukan kendiri kerana dilengkapi dengan contoh serta huraian yang mesra pembaca. Selain berfungsi sebagai buku teks, hasil penulisan ini juga turut sesuai untuk kegunaan rujukan para pensyarah, guru-guru dan pelajar di universiti dan Institusi Pengajian Tinggi.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




MOHD. JOHARI AB. HAMID
Perkembangan penulisan & kritikan : seni visual
Tanjong Malim, Perak :
Penerbit Universiti
Pendidikan Sultan Idris,
2013. 261ms.
ISBN 976-967-0480-16-9

Buku ini merupakan analisis kepada himpunan eseи-eseи karya penulisan hasil seni visual melalui penerbitan media cetak berkisar seawal tahun 1900 sehingga 2000. Buku ini sesuai dijadikan rujukan asas kepada para penyelidik berhubung seni visual secara menyeluruh dalam konteks Malaysia. Pengkaryaan buku ini dipersembahkan dengan ilustrasi menurut perkembangan zaman yang menyokong kepada kekuatan mesej penulisan yang ingin disampaikan. Ianya bukan sahaja melibatkan seni visual yang berkisar kepada seni fotografi malahan dari paparan iklan, setem, poskad, karikatur kartun, lukisan, ukiran kayu, logam, wayang kulit, arca sehingga penghasilan karya teknologi moden yang ditampilkan masa kini di tanah air kita. Secara tidak langsung penerbitan buku ini dapat menambahkan lagi khazanah seni serta dapat memartabatkan seni visual di persada antarabangsa.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




Program pembangunan insan fasa pengukuhan sahsiah: modul halaqah
Kajang, Selangor : Jabatan Penjara Malaysia, 2013.
236ms.

ISBN 978-983-43536-7-4

Halaqah membawa maksud perkumpulan yang membicarakan perkara-perkara yang berkaitan dengan agama Islam dan bersifat ilmiah. Program pembangunan insan ini merupakan pemulihan teras bagi penghuni penjara yang beragama Islam yang dikenal pasti mempunyai tahap pengetahuan agama yang cetek, penghuni yang berulang kali dipenjarakan serta bertindak sebagai kelas pengajian kepada mualaf. Pada dasarnya kaedah ini berkonsepkan sistem pondok dalam kelas pengajian Islam yang dilaksanakan dalam tempoh enam bulan ketika penghuni melalui fasa pengukuhan sahsiah. Program ini mengandungi lima modul teras yang berkaitan dalam kehidupan seharian dan berpandukan amalan hidup Islam. Modul-modul yang terdapat dalam buku ini ialah akidah, fekah, al-Quran, hadis dan akhlak atau sirah. Modul program ini bertujuan untuk mempermudahkan lagi proses pengajaran kepada penghuni penjara dalam membentuk dan mengubah tingkah laku serta pemikiran penghuni agar dapat mengamalkan cara hidup sebagai orang Islam. Program ini merupakan alternatif dalam menangani masalah pelaksanaan program-program yang lain.

SINOPSIS BUKU




SUWARSI M. ARUKIN
Sajian sihat & lazat
Shah Alam : Grup Buku Karangkraf (Alaf 21), 2013.
176ms.

ISBN 978-983-124-867-6

Badan yang sihat datangnya dari gaya pemakanan yang betul dan makanan yang berkhasiat. Pelbagai cara yang mudah dan praktikal dalam penyediaan hidangan-hidangan yang lazat telah disajikan oleh penulis buku ini. Turut diselitkan tips dan nota sebagai panduan untuk mempelbagaikan menu yang menarik dalam setiap resepi. Sebagai contoh ditunjukkan cara membuat sendiri stok makanan atau perisa semula jadi di rumah dengan merebus tulang ayam atau sayuran dengan mencampurkan bahan-bahan lain dan menapisnya. Masa untuk mengukus atau merebus setiap bahan perlu dijaga supaya dapat mengekalkan nutrisi bahan tersebut, begitu juga untuk makanan yang dipanggang atau dibakar, pastikan suhu yang digunakan adalah sesuai. Selain menjaga pemakanan, bersenam secara konsisten dan tidur yang cukup adalah salah satu faktor penting dalam penjagaan kesihatan. Oleh itu untuk mendapatkan tubuh badan yang sihat jangan abaikan waktu makan, pilih makanan yang berkualiti dan pilih gaya hidup yang sihat.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



Sastera dalam budaya dan media

Pulau Pinang : Penerbit
Universiti Sains Malaysia,
2013. 301 ms.
ISBN 978-983-8616027

Buku ini mengupas persoalan-persoalan budaya masyarakat istana dan desa dalam kesusasteraan Melayu tradisional merangkumi sastera tulisan dan juga lisan. Persoalan tentang masyarakat moden dan kontemporari juga turut diberikan perhatian melalui kajian novel, cerpen dan juga sajak. Isu-isu berkaitan manusia, masyarakat, tradisi, warisan dan sebagainya memang menjadi bahan dalam pengkisahan karya sastera sama ada sastera tradisional mahupun sastera moden. Seterusnya perkaitan sastera dan media pula menonjolkan karya-karya sastera yang telah difilemkan dan juga karya-karya yang muncul dalam bentuk digital di ruang siber. Buku ini juga ingin membuktikan bahawa bidang kesusasteraan sebenarnya sangat dekat dengan budaya hidup masyarakat dan juga sentiasa memenuhi kehendak zaman.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



**SELAMAT SAINAYUNE
Sazali Samad : juara bina
badan dunia**


Kuala Lumpur : Muzium
Polis DiRaja Malaysia,
2013.248ms.

ISBN 978-983-41908-4-2

Penghasilan buku ini adalah satu bentuk pengiktirafan dan penghargaan daripada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) kepada Sazali Samad. Beliau lebih dikenali dengan gelaran ‘Orang Besi Malaysia’ atau ‘Badang Malaysia’ telah mengharumkan nama Malaysia dan PDRM dalam arena sukan bina badan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Buku ini mendokumentasikan latar belakang serta kejayaan beliau. Turut juga memaparkan sejarah awal sukan bina badan dunia dan sejarah permulaan sukan bina badan di Malaysia khususnya. Ratusan koleksi gambar-gambar peribadi beliau dari awal pembabitan turut menjadi daya penarik pembaca dipaparkan secara eksklusif di dalam buku ini. Selain teknik dan kaedah latihan bina badan, disertakan juga diet harian pemakanan beliau bagi menghadapi sesuatu pertandingan. Senarai kejohanan dan kemenangan yang disertai sepanjang karier beliau turut dinyatakan secara jelas. Sewajarnya buku ini dijadikan koleksi dan bahan bacaan masyarakat umum untuk mengetahui dengan lebih mendalam sejarah bina badan dan perjalanan jerit perih kejayaan Sazali Samad selaku tokoh sukan bina badan negara serta menjadi inspirasi penggiat sukan seluruh tanahair.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



Sejarah bermulanya Wira Merah


Putrajaya : Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,
2013. 680ms.

ISBN 978-967-11499-0-4

Sebahagian besar kandungan buku ini memuatkan rakaman perkongsian pengalaman menerusi temubual eksklusif dengan 15 orang tokoh yang terdiri daripada bekas Ketua Pengarah Bomba dan pegawai-pegawai kanan yang telah banyak menabur bakti serta sanggup mempertaruhkan nyawa sendiri semasa menjalankan tugas demi menjaga keselamatan dan kemakmuran masyarakat. Semua coretan suka duka, pahit manis yang direkodkan ini belum pernah dikongsi walaupun dengan ahli keluarga terdekat mereka sendiri. Buku ini juga turut memperincikan fakta berkaitan sejarah perkhidmatan kebombaan seluruh negeri di Malaysia sebelum dan selepas merdeka. Gambar-gambar lama turut disertakan yang pastinya akan menarik minat para pembaca. Perubahan dan perkembangan jabatan bomba dari semasa ke semasa seperti insiden dan peristiwa penting yang dilalui oleh jabatan turut dicatatkan. Para pelajar, penuntut IPT, orang ramai malahan anggota bomba dan mantan anggota pasti akan lebih mengenali dan dapat menghayati peranan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan lebih dekat lagi dengan membaca buku ini.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



CAHYO, AGUS N.
**Sejuta khasiat serta
keajaiban sari kurma dan
susu unta**
Batu Caves, Selangor : Ar-
Risalah product, 2013.
113ms.
ISBN 978-967-0268-70-5

Buku ini memberikan pelbagai informasi berguna untuk mengetahui apakah manfaat dan khasiat sari kurma dan susu unta untuk tubuh badan kita. Seperti yang kita ketahui, kedua-dua sumber nutritif ini terdapat banyak di negara Timur Tengah atau Semenanjung Arab yang beriklim panas kering atau padang pasir. Antara yang terkandung dalam buah kurma ialah karbohidrat kompleks yang mengandungi serat berperanan membantu pencernaan, menurunkan kadar kolestrol dalam kadar tertentu dan membantu masalah sembelit. Manakala susu unta dipercayai sebagai minuman kesihatan bergizi tinggi dan juga dapat mengubati pelbagai jenis penyakit. Antaranya, menghilangkan rasa was-was, ragu dan penyakit risau, penyakit gula dalam darah dan lain-lain. Antara khasiat susu unta ialah menyihatkan pencernaan, menguatkan kecergasan atau vitaliti dan menyembuhkan hepatitis dan diabetes serta mencegah kanser dan sakit jantung.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



SITI ZALEHA M. HASHIM
Tip menulis teks pengacara majlis
Kuala Lumpur : Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2013. 102ms.
ISBN 978-967-430-129-3

Sesuatu majlis akan menjadi bertambah menarik apabila ada orang yang dipertanggungjawabkan untuk mengacarakan majlis tersebut bijak memainkan peranannya. Kejayaan seseorang pengacara majlis juga bukan hanya bergantung kepada kejelitaan atau ketampanan atau suara yang menawan, tetapi lebih utama seseorang pengacara itu dapat memastikan kelancaran sesuatu majlis yang diamanahkan kepadanya untuk disempurnakan. Dalam buku ini, penulis telah memberi panduan-panduan berguna kepada seseorang yang akan mengacarakan sesuatu majlis berdasarkan kepada pengalaman penulis selama 30 tahun dalam bidang pengacaraan majlis. Pembaca akan diberi pendedahan tentang pelbagai aspek penulisan untuk sesebuah majlis bermula dari persediaan awal sebelum teks ditulis sehingga kepada majlis berakhir. Panduan-panduan ini boleh dimanfaatkan oleh sesiapa juga yang berminat untuk menjadi pengacara majlis. Malah, pengacara majlis yang sudah sekian lama berkecimpung dalam dunia pengacaraan juga boleh menjadikan buku ini sebagai panduan tambahan untuk mereka.


SINOPSIS BUKU



AHMAD IBNU NIZAR
Tokoh Islam banyak berjasa pada dunia
Batu Caves, Selangor : Ar-Risalah Product, 2013.
504ms.
ISBN 978-967-0268-80-4

Buku ini banyak menceritakan tokoh-tokoh Islam yang sangat terkenal dan berjaya dalam zaman masing-masing. Mereka dikenali bukan sahaja kerana menjadi panglima terkenal pada zaman dahulu, bahkan dikagumi ilmu dan falsafah yang dikuasai sehingga menjadi rujukan sehingga kini. Antara tokoh hebat yang terdapat dalam buku ini ialah Imam Bukhari, iaitu Penghulu Hadis. Mungkin juga tidak ramai yang mengetahui bahawa perintis pembuatan robot adalah seorang Arab yang bijak pada abad ke-13 bernama Ibnu Ismail al-Jazari, jurutera mekanik Kesultanan Turki dari Dinasti Artuqid. Mengenali dan mengagumi jejak langkah tokoh-tokoh Islam pada zaman lampau adalah sangat dituntut kerana ia dapat memberikan inspirasi dan keyakinan kepada umat Islam khususnya golongan muda. Selain itu, dengan mengenali tokoh-tokoh tersebut segala usaha, semangat dan kesungguhan mereka dalam menegakkan syariat Islam dapat dicontohi meskipun melalui pelbagai cabaran serta halangan. Meneladani prinsip, strategi dan kecekalan tokoh-tokoh Islam ini memberikan banyak pelajaran hidup dan motivasi untuk meneruskan dakwah Islam untuk hidup kita semua.

SINOPSIS BUKU



Abu Bakar Mat Daud
Variasi seni tanaman gantung
Shah Alam : Grup Buku Karangkraf (Alaf 21), 2013.
237ms.
ISBN 978-983-124-849-2

Buku ini memaparkan cara untuk menanam dan menghias tanaman gantung untuk hiasan laman dan kediaman. Pelbagai kaedah langkah demi langkah yang mudah diikuti yang disertakan gambar berwarna yang menarik. Buku ini sesuai dijadikan rujukan bagi mereka yang memiliki kediaman yang mempunyai kawasan yang terhad dan kediaman tinggi seperti pangaspuri dan kondominium. Ia memberi informasi kepada pembaca bermula daripada asas penanaman pokok hiasan seperti peralatan berkebun yang digunakan, keperluan asas pokok dan penjagaannya hingga kepada peringkat seni tanaman gantung secara kreatif dan menarik. Antara pokok hiasan yang dipaparkan dalam buku ini adalah jenis spesis seperti *Bromiliad*, *Sukulen*, Paku Pakis dan Orkid. Buku ini juga menerangkan faktor-faktor penting dalam menanam atau menghias tanaman gantung iaitu penggunaan bekas tanaman, tali dan tempat mempamerkan tanaman tersebut.